



سكوله منغه كبغسان سري فاكي

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI PAGI

Taman Seri Pagi,
70450 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tel : 06-6789785
Faks : 06-6789290



Rujukan Kami : SMKSP.700-2/1/4(32)
Tarikh : 7 Oktober 2022

Kepada :

1. Semua Calon SPM 2022
2. Ibu bapa / Penjaga
Pelajar-pelajar Tingkatan 5
SMK Seri Pagi.

Tuan/Puan,

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2022
MAKLUMAT PENTAKSIRAN PUSAT BAGI MATA PELAJARAN BAHASA TAMIL SPM
6354/3 UJIAN LISAN BAHASA TAMIL DAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM
SPM 1223/2 UJIAN TILAWAH, HAFAZAN DAN BACAAN HADIS (UTQH) TAHUN 2022**

Adalah dengan hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Dengan ini dimaklumkan bahawa pihak sekolah akan melaksanakan pentaksiran pusat bagi mata pelajaran berikut :

BIL	KOD	MATA PELAJARAN	PELAKSANAAN
1.	6354/3	Ujian Lisan Bahasa Tamil (Kertas 3)	11 Oktober 2022 (Selasa)
2.	1223/2	Pendidikan Islam Kertas 2 (UTQH)	11 hingga 13 Oktober 2022 (Selasa hingga Khamis)

3. Semua calon yang telah mendaftar mata pelajaran ini, wajib melaksanakan pentaksiran ini. Calon yang tidak menduduki mana-mana instrumen pentaksiran akan dianggap **TIDAK HADIR** bagi mata pelajaran berkenaan. **TIADA ULANGAN** pentaksiran bagi pelajar yang tidak hadir bagi Ujian Lisan Bahasa Tamil dan juga Pendidikan Islam (UTQH).
4. Sekiranya pelajar tidak dapat hadir pada tarikh tersebut disebabkan sakit berpanjangan, kemasukan wad, kuarantin atau Covid - 19, tuan/puan hendaklah menulis surat kepada pihak sekolah serta bukti daripada pihak klinik/hospital untuk memaklumkan kepada kami berkenaan ketidakhadiran anak tuan/puan. Pelajar masih diberi kebenaran untuk menduduki ujian ini dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan.
5. Sehubungan dengan itu, anak tuan/puan dikehendaki hadir ke sekolah seperti biasa dengan memakai pakaian lengkap seragam sekolah, **pakaian sukan tidak dibenarkan** dan menduduki pentaksiran tersebut mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Pelajar tingkatan 5 dibenarkan balik jam **1.30 tengahari** pada hari pentaksiran dijalankan dan pihak sekolah juga memohon jasa baik tuan/puan untuk menguruskan pengangkutan balik anak tuan/puan pada tarikh tersebut.

Pendidikan Berkemah, Pengurusan Berkemah Penjaja Al-Falah

Rujukan Kami : SMKSP.700-2/1/4(32)
Tarikh : 7 Oktober 2022

6. Keprihatinan dan kerjasama pihak tuan/puan amat dihargai. Segala kesulitan amat dikesali.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,


(JAMRI BIN AHMAD)
Pengetua Cemerlang,
SMK Seri Pagi.